



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 6, Issue 11, November 2021

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocsciences.com

Tahap Kemahiran Imam Menukarkan Kata Ganti Nama dalam Bacaan Doa Bahasa Arab

Nurulasyikin M.¹, Hazmi, D.², Siti Nurul Aishah A. H.¹

¹Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan, 87000 W.P. Labuan, Malaysia

²Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah, 87000 W.P. Labuan, Malaysia

Correspondence: Hazmi D. (hazmi@ums.edu.my)

Abstrak

Bahasa Arab mempunyai kedudukan yang penting dalam ibadah. Ayat-ayat al-Quran, bacaan dalam solat dan juga doa-doa dibaca dalam Bahasa Arab. Imam merupakan individu yang akan mengetuai solat seterusnya melakukan pembacaan-pembacaan tersebut yang boleh didengari oleh para makmum. Kajian ini ingin melihat tahap kemahiran para imam menukarkan kata ganti nama ketika membaca doa qunut dan doa pengampunan ibu bapa. Dalam teks bacaan kedua dua doa ini mengandungi kata ganti nama yang perlu diubah dari kata ganti nama tunggal yang digunakan ketika solat bersendirian kepada kata ganti nama jamak ketika solat berjemaah. 20 responden yang merupakan para pelajar di beberapa institusi pengajian tinggi yang pernah menjadi imam telah diminta untuk membuat rakaman suara bacaan bagi kedua-dua doa tersebut semasa menjadi imam dan telah dihantar kepada pengkaji sejurus setelah mereka diberikan penerangan tentang kutipan data. Analisa kekerapan kesilapan bagi doa qunut melibatkan 7 perkataan dan analisa kekerapan kesilapan bagi doa pengampunan ibu bapa melibatkan 6 perkataan. Kajian ini mendapati bahawa kadar kesilapan yang dilakukan oleh para imam bagi dalam membaca kedua-dua doa qunut dan doa pengampunan ibu bapa adalah pada kadar yang sangat rendah iaitu 9.23%. Walau bagaimanapun, kadar kesilapan bacaan doa qunut adalah jauh lebih tinggi berbanding doa pengampunan ibu bapa. Bagi perkataan yang paling kerap dilakukan kesilapan bacaan pula adalah pada perkataan أتوب iaitu sebanyak 7 kali diikuti dengan perkataan استغفرک sebanyak 6 kali. Ini memberi gambaran bahawa wujudnya kekeliruan penukaran ى yang sepatutnya ditukar kepada ن di bahagian prefiks di mana kedua-duanya adalah versi kata kerja kini.

Kata kunci: Imam, doa Qunut, doa keampunan ibu bapa, kata ganti nama, bahasa Arab

Imam's Skill Level of Conjugating Pronouns in Reciting Prayers in Arabic

Abstract

Arabic has an important position in worship. Quranic verses, recitations in prayers and also du'a' are recited in Arabic. The imam is the individual who will lead the prayers and then perform the readings that can be heard by the congregation. This study wants to see the level of skill of the imam in changing pronouns when reciting the qunut prayer and the parental forgiveness prayer. In the second recitation text these two prayers contain pronouns that need to be changed from a singular pronoun used when praying alone to a plural pronoun when praying in group. 20 respondents who were students in several institutions of higher learning who had been imam were asked to make voice recordings of the recitations of the two prayers while being imam and were sent to the researcher immediately after

they were given a description of the data collection. The error frequency analysis for the qunut prayer involved 7 words and the error frequency analysis for the parental forgiveness prayer involved 6 words. This study found that the rate of errors made by the priests in reciting both the qunut prayer and the parental forgiveness prayer was at a very low rate of 9.23%. However, the error rate of qunut prayer recitation is much higher than that of parental forgiveness prayer. For the word that the most frequent reading error is on the word *أتوب* which is 7 times followed by the word *استغفرلك* 6 times. This gives the impression that there is a confusion of the conversion of *ا* which should have been converted to *ن* in the part of the prefix where both are present versions of the verb.

Keywords: Imam, qunut prayer, parental forgiveness prayer, pronouns, Arabic language

Pengenalan

Kajian ini menilai kemahiran imam bagi aspek morfologi dan tatabahasa bahasa Arab dalam bacaan doa dari teks Arab. Pengkaji melihat bahawa isu kemahiran morfologi dan tatabahasa dalam bahasa Arab adalah penting sebagai model bacaan kepada para jemaah yang mendengar bacaan doa berkenaan. Kajian ini akan dijalankan dengan mengadakan ujian bacaan tanpa teks kepada para imam yang berada di Malaysia dan terdiri dari para pelajar institut pengajian tinggi. Ujian bacaan yang dijalankan adalah merangkumi dua doa yang setiap hari digunakan dalam solat dan selepas solat iaitu bacaan doa qunut dan doa keampunan ibu bapa. Hasil kajian yang bakal diperolehi bakal memberi gambaran yang jelas tentang tahap kelemahan atau kekuatan para imam dalam bacaan doa mereka. Justeru, kajian ini sangat penting kerana imam bertindak sebagai model bacaan yang akan diikuti secara tidak langsung oleh para makmum. Jika para imam membaca dengan bacaan yang kurang tepat, ianya juga akan diikuti oleh para jemaah yang sedang dalam proses pembelajaran untuk membaca doa-doa ini dengan baik. Selain itu, ia menunjukkan kredibiliti dan kesungguhan para imam untuk menyanjung tinggi kedudukan bahasa al-Quran dengan mengambil berat terhadap ilmu-ilmu bahasa yang ada dalam bahasa Arab.

Objektif kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan para imam menukarkan kata ganti nama dalam membaca bacaan doa qunut dan doa pengampunan ibu bapa.

Batasan kajian

Doa qunut dikelaskan kepada tiga (Khadher, 2018):

Qunut Witir yang disyariatkan pada 15 hari terakhir dalam bulan Ramadan.

Qunut Nazilah yang dilaksanakan apabila berlakunya musibah kepada orang Islam. Ianya disyariatkan dalam lima waktu solat fardhu pada ruku' terakhir sama ada secara berjemaah atau bersendirian

Qunut Subuh yang dikerjakan pada rakaat kedua solat fardhu subuh.

Berdasarkan kepada jenis qunut yang terdapat dalam amalan umat Islam, kajian ini hanya akan memfokuskan kepada qunut subuh sahaja.

Metod Kajian

Kajian ini akan menggunakan kaedah "mixed method" untuk mewujudkan kekuatan antara kajian kuantitatif dan kualitatif dalam mendapatkan dapatan berkaitan tahap kemahiran penukaran kata ganti nama bahasa Arab dalam bacaan doa oleh responden. Kajian ini akan melibatkan kutipan data melalui ujian bacaan, analisis dan integrasi antara kuantitatif dan kualitatif dalam kajian berfasa pelbagai (Burke, 2004).

Populasi kajian ini adalah merupakan para imam yang terdiri daripada para belia yang sedang melanjutkan pelajaran di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda dari beberapa universiti tempatan di seluruh negara. 20 responden telah terlibat dalam kajian ini. Setiap responden dihubungi melalui telefon dan aplikasi whatsapp dan mereka diminta untuk merekodkan bacaan doa bagi kedua-dua doa tersebut dan dihantar rakaman bacaan sejeurus selepas perbualan antara pengkaji dan responden berlaku.

Setiap rakaman suara dianalisis dan dicatatkan kesilapan bagi setiap responden. Data yang diperolehi dari kajian ini akan dianalisis dan dibentangkan menggunakan kaedah analisis diskriptif mudah iaitu skor peratusan analisis. Justeru, pengkaji akan menggunakan interpretasi Alias Baba (1999) bagi tujuan ini dengan julat, 1.00 -1.80 sebagai tahap sangat rendah, 1.81-2.60 sebagai rendah, 2.61-3.40 sebagai sederhana, 3.41-4.20 sebagai tinggi dan 4.21-5.00 sebagai sangat tinggi. Berdasarkan julat ini, pengkaji membuat peratusan seperti berikut:

- 80-100 (sangat tinggi)
- 60-79 (tinggi)
- 40-59 (sederhana)
- 20-39 (rendah)
- 0-19 (sangat rendah)

Untuk teks yang akan dirujuk sebagai skema bacaan diambil dari Muhammad (2019) seperti dalam Rajah 1.

Rajah 1: Teks Doa

اللَّهُمَّ اهْدِنَا فِيمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنَا
فِيمَنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنَا فِيمَنْ
تَوَلَّيْتَ، وَبَارِكْ لَنَا فِيمَا أَعْطَيْتَ،
وَقِنَا شَرَّمَا قَضَيْتَ، فَإِنَّكَ تَقْضِي
وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ، وَإِنَّهُ لَا يَدُلُّ
مَنْ وَالَيْتَ، وَلَا يَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ،
تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ، فَلَكَ
الْحَمْدُ عَلَى مَا قَضَيْتَ،
وَنَسْتَغْفِرُكَ وَنَتُوبُ إِلَيْكَ،
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَسَلَّمَ

Sumber: Muhammad (2019)

Bagi doa pengampunan ibu bapa, ia menggunakan dua versi iaitu:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَلِوَالِدَيْنَا وَارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيْنَا صِغَارًا

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَلِوَالِدَيْنَا وَارْحَمْهُمْ كَمَا رَبَّوْنَا صِغَارًا

Tinjauan Literatur

Wahab (2010) dalam disertasinya menyatakan bahawa kesedaran menguasai ilmu bahasa Arab secara menyeluruh dalam kalangan para petugas agama seperti tugas sebagai imam dapat memantapkan pelaksanaan tugas hal ehwal Islam. Justeru, kesedaran dan motivasi kepada setiap individu petugas agama agar berusaha mempelajari dan meningkatkan pengetahuan bahasa Arab adalah sesuatu usaha yang perlu mendapat sokongan dan perhatian yang tinggi melalui pelbagai ruang latihan

Kegagalan petugas agama menghayati kepentingan menguasai bahasa Arab dalam menjalankan tugas akan mengundang pelbagai kelemahan dalam menampilkan bahasa tersebut, bahkan akan mengurangkan kepercayaan ummah terhadap kemampuannya berkhidmat untuk kecemerlangan agama.

Oleh yang demikian, antara tindakan yang drastik yang boleh digunakan bagi mengurangkan kelemahan-kelemahan seperti ini adalah dengan jawatan imam/khatib dari kalangan mereka yang betul-betul berkelayakan seperti para graduan institusi tahfiz yang kini semakin ramai di bumi Malaysia. Selain itu, perlu dibekalkan kamus bahasa Arab kepada semua petugas agama. Kamus tersebut boleh diselaraskan kepada semua setelah dikenal pasti mana yang sesuai dan mudah dibuat rujukan.

Antara kaedah lain yang dilihat mempunyai keberkesanannya adalah dengan mengumpul bahan-bahan Bahasa Arab dan dibuat latihan bacaan terutamanya di tempat-tempat yang sering berlaku kesilapan. Teks- teks yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- Khutbah Jumaat (Pendahuluan khutbah/ayat al Quran/Penutup)
- Doa-doa selepas Solat
- Wirid-wirid selepas Solat
- Doa Tahlil / Doa selepas bacaan surah Yaasin.
- Doa Majlis dan lain-lain.

Usop & Seman (2010) menyatakan bahawa ramai dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia mampu membaca teks agama dalam Bahasa Arab dengan baik namun masih perlu diperhalusi untuk memperbaiki mutu dan digalakkan untuk memahami bacaan tersebut.

Bacaan Doa Qunut

Ketika dalam rakaat kedua, adalah disunatkan ketika mengangkat kepala dari iktidal untuk menyebut *سَمِعَ اللهُ لِحَمْدِهِ*, dan apabila telah berdiri, disebutkan *رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ* kemudian dibacakan qunut dan yang terbaik adalah:

اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتَ وَعَافِنِي فِيمَنْ عَافَيْتَ وَتَوَلَّنِي فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ، وَبَارِكْ لِي فِيمَا أُعْطِيتَ، وَفِي شَرِّ مَا قَضَيْتَ فَإِنَّكَ تَقْضِي وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ وَإِنَّهُ لَا يَدُلُّ مَنْ وَالَيْتَ وَلَا يَعْزُ مَنْ عَادَيْتَ تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ، فَالْحَمْدُ عَلَى مَا قَضَيْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ dan apabila berimam, maka imam membacakan doa dalam versi ramai, dan disunatkan berselawat ke atas nabi SAW di pengakhiran qunut serta diangkat tangan ketika membacanya. Imam membaca dengan kuat dan diaminkan oleh makmum (Al-Haitami, 2000). Al-Laihani (1406h) menyebutkan teks membaca doa qunut imam adalah:

اللَّهُمَّ اهْدِنَا فِيمَنْ هَدَيْتَ وَعَافِنَا فِيمَنْ عَافَيْتَ وَتَوَلَّنَا فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ وَبَارِكْ لَنَا فِيمَا أُعْطِيتَ وَفِي شَرِّ مَا قَضَيْتَ إِنَّكَ تَقْضِي وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ إِنَّهُ لَا يَدُلُّ مَنْ وَالَيْتَ تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ

Doa Pengampunan Ibu Bapa

Antara lafaz doa yang boleh dibaca adalah berbeza mengikut siapa yang ingin didoakan. Sekiranya seseorang itu hanya ingin mendoakan kepada dirinya dan kedua ibubapanya sahaja boleh membaca dengan lafaz ini:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَلِوَالِدِي وَارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا

Maksudnya: “Ya Allah! ampunilah dosaku dan dosa kedua orang tuaku dan kasihilah mereka sebagaimana mereka mengasihiku sejak kecil.”

Adapun, sekiranya seseorang itu ingin mendoakan kepada ramai dan kedua ibubapa mereka boleh berdoa dengan lafaz ini:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَلِوَالِدِنَا وَارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانَا صِغَارًا

Maksudnya: “Ya Allah! ampunilah dosa kami dan dosa kedua orang tua kami dan kasihilah mereka sebagaimana mereka mengasihiku kami sejak kecil.”

Selain itu, lafaz yang ketiga ini sama seperti lafaz yang kedua iaitu mendoakan untuk ramai. Tetapi bezanya adalah pada lafaz “وَالِدَيْنَا” dibaca dengan baris bawah dan bukannya dengan baris atas “وَالِدَيْنَا” sepertimana di dalam lafaz yang kedua. Tambahan pula, lafaz yang ketiga ini (dibaca dengan baris bawah) bukan hanya terhad kepada ibubapa, bahkan ia termasuk datuk, nenek dan ke atas. Lafaz tersebut adalah:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَلِوَالِدِنَا وَارْحَمْهُمْ كَمَا رَبَّيْنَا صِغَارًا

Maksudnya: “Ya Allah! ampunilah dosa kami dan dosa kedua orang tua kami dan kasihilah mereka sebagaimana mereka mengasihiku kami sejak kecil.”

Justeru, seseorang yang ingin berdoa perlu melihat atau memilih lafaz yang sesuai sama di dalam berdoa. Begitu juga kepada para imam, perlu berdoa untuk semua jemaah yang hadir dan bukan itu dirinya sahaja (MAIWP, 2021).

Dhamir (kata ganti nama) dalam bahasa Arab

Terdapat 5 kategori kata ganti nama dalam bahasa Arab iaitu (Muhammad, 2019):

- Pihak pertama (saya, kami)
- Pihak kedua maskulin (awak, awak berdua, kamu semua)
- Pihak kedua feminin (awak, awak berdua, kamu semua)
- Pihak ketiga maskulin (dia, mereka berdua, mereka semua)
- Pihak ketiga feminin (dia, mereka berdua, mereka semua)

Kesemua ganti nama ini mempunyai pengaruh terhadap sistem morfologi dalam bahasa Arab. Antara bentuk pengaruh yang dimaksudkan adalah perubahan huruf imbuhan yang mewakili kata ganti nama yang boleh bersambung dengan kata kerja atau kata nama. Perubahan yang melibatkan kata ganti nama ini selalunya dapat dilihat pada bahagian sufiks untuk kata kerja lampau dan suruhan manakala bagi kata kerja kini ia melibatkan prefiks dan sufiks. Untuk kata nama pula, imbuhan berkaitan kata ganti nama ini dapat dilihat di bahagian sufiks sahaja.

Syam (2018) dalam kajiannya bertajuk Fungsi dan Kedudukan kata Ganti (Dhamir) dalam Ilmu Sharf membuat perbandingan antara ayat untuk kata tunggal, dual dan jamak. Hasil kajian beliau mendapati bahawa kaedah morfologi perlulah diketahui oleh orang yang mempelajari bahasa Arab.

Kamalia (2019) dalam kajiannya Pronomina (Isim Dhamir (atau kata ganti dalam Bahasa Arab (Tinjauan Gender) membuat perbandingan berkaitan kata ganti nama mengikut pihak pertama kedua

dan ketiga serta gender dan mendapati terdapat perbezaan penulisan berdasarkan kriteria-kriteria yang disebutkan.

Nasimah, Lubna, Norfazila & Murni (2017) menerusi kertas kerja yang bertajuk Ketidaksepadanan Terjemahan Kata Ganti Nama Diri Dalam Surah al-Syu'araa membuat analisa perbandingan antara beberapa sumber terjemahan dan hasil kajian memperlihatkan ketidakseragaman penterjemahan untuk kata ganti nama tunggal dan jamak.

Kertas kerja bertajuk Kesilapan penggunaan kata ganti nama dan kata kerja dalam pembinaan ayat bahasa Arab oleh Abd Rahman, Farhana dan Munirah (2010) yang dilakukan kepada para pelajar di UiTM mengenai kata ganti nama, kata kerja mudari' dan struktur pembinaan ayat bahasa arab. Hasil kajian menunjukkan kesilapan penggunaan kata ganti nama dan kata kerja mudari' dalam pembinaan ayat adalah kurang daripada 50 peratus daripada keseluruhan kajian. Ini bermakna bahawa pelajar memahami makna kata ganti nama dan kata kerja mudari' tetapi mereka tidak pasti tentang penggunaannya di dalam ayat.

Hasil Kajian

Daripada jadual 1, didapati bahawa kadar kesilapan yang dilakukan oleh para imam bagi dalam membaca kedua-dua doa qunut dan doa pengampunan ibu bapa adalah pada kadar yang sangat rendah iaitu 9.23%. Walaubagaimanapun, kadar kesilapan bacaan doa qunut adalah jauh lebih tinggi berbanding doa pengampunan ibu bapa. Perbezaan kadar yang ketara ini disumbangkan oleh responden ke 4 yang tidak langsung menukar bacaan qunut kepada versi bacaan ramai. Terdapat kemungkinan responden ini tidak fokus dengan arahan yang diminta oleh pengkaji. Walaupun begitu, bacaan doa responden tersebut dalam versi individu adalah baik.

9 responden (45%) telah membaca kedua-dua doa tanpa sebarang kesilapan dan rata-rata selebihnya hanya melakukan kesilapan 1 atau 2 kesilapan sahaja.

Bagi perkataan yang paling kerap dilakukan kesilapan bacaan pula adalah pada perkataan أتوب iaitu sebanyak 7 kali diikuti dengan perkataan استغفرک sebanyak 6 kali. Ini memberi gambaran bahawa wujudnya kekeliruan penukaran ^ا yang sepatutnya ditukar kepada ن di bahagian prefiks di mana kedua-duanya adalah versi kata kerja kini. Kedua-dua perkataan ini berbeza kaedah morfologi dengan 5 perkataan sebelumnya yang berada dalam versi kata kerja perintah. Kata kerja perintah hanya mempunyai sufiks dan tiada prefiks. Justeru, ia boleh mengelirukan pembaca kerana hanya menganggap penukaran adalah pada sufiks. Ia membawa maksud juga pembaca ini kurang mahir dengan ilmu morfologi bahasa Arab. Ini menyokong dapatan Abd Rahman, Farhana & Munirah (2010) yang mendapati bahawa kesilapan yang dilakukan oleh pelajar berkaitan kata ganti nama adalah kurang dari 50% yang menunjukkan pelajar memahami maknanya namun tidak pasti akan kegunaannya.

Untuk doa pengampunan ibu bapa pula, penukaran berdasarkan morfologi adalah pada sufiks sahaja. Ia meliputi kata perintah pada perkataan 1 dan 4, kata kerja lampau pada perkataan 5, dan kata milikan pada perkataan 2 dan 3. Pengkaji turut memperhatikan kemahiran pembaca pada perubahan perkataan tambahan nombor 6 yang mencerminkan kata sifat berbentuk ramai. Ia perlu digunakan bagi menyesuaikan padan dengan morfologi ramai yang digunakan dalam kata kerja dan kata milikan berdasarkan tatabahasa dan morfologi bahasa Arab.

Jadual 1: Analisa Kekeperan Kesilapan

Bil	Doa Qunut	Jumlah/7	Doa Pengampunan Ibu Bapa	Jumlah/6	Total /13	%
	اللهم اهدنا (1) فيمن هديت وعافنا (2) فيمن عافيت وتولنا (3) فيمن توليت وبارك لنا (4) فيما أعطيت وقنا (5) شر ما قضيت فانك تقضي ولا يقضى عليك وانه لا يذل من واليت ولا يعز من عاديت تباركت ربنا وتعاليت فلك الحمد على ما قضيت ونستغفرك (6) ونتوب (7) إليك وصلى الله على سيدنا محمد النبي الأمي وعلى آله وصحبه وسلم		اللهم اغفر لنا (1) ذنوبنا (2) ولوالدينا (3) وارحمهما / هم (4) كما رببانا / ربونا (5) صغارا (6)			
1	7 أتوب	1	-	0	1	7.7%
2	-	0	-	0	0	0%
3	6 استغفرك 7 أتوب	2	-	0	2	%15.3
4	1 اهدني 2 عافني 3 تولني 4 باركلي 5 وقتني 6 واستغفرك 7 أتوب	7	-	0	7	53.8%
5	-	0	6 صغيرا	1	1	7.7%
6	1 اهدني	1	3 ولوالدي 5 ربياني 6 صغيرا	3	4	%30.7
7	-	0	-	0	0	%0
8	6 واستغفرك 7 أتوب	2	-	0	2	%15.3
9	6 واستغفرك 7 أتوب	2	-	0	2	%15.3
10	-	0	-	0	0	%0
11	-	0	-	0	0	%0
12	-	0	-	0	0	%0
13	-	0	-	0	0	%0
14	-	0	-	0	0	%0
15	6 واستغفرك	1	3 ولوالدي	1	2	%15.3
16	7 أتوب	1	-	0	1	7.7%
17	-	0	-	0	0	%0
18	7 أتوب	1	-	0	1	7.7%
19	1 اهدني	1	-	0	1	%7.7
20	-	0	-	0	0	%0
	JUMLAH KESILAPAN	140/19 %13.6		120/5 %4.2	24 /260	%9.23

Kesimpulan

Kajian ini merupakan satu kajian yang ringkas namun memberi kefahaman tentang tahap kemahiran para imam dalam kalangan anak muda yang mampu membaca doa qunut dan doa pengampunan ibu bapa dengan baik. Kemahiran ini memerlukan ilmu, keberanian dan keyakinan untuk berada di hadapan sebagai pemimpin dalam ibadah solat. Ini bermakna para belia yang boleh mengimamkan solat mempunyai kecenderungan untuk memahirkan diri dalam bidang ilmu, boleh memberi contoh yang baik kepada rakan-rakan, mempunyai keyakinan dalam memimpin dan juga kesediaan mereka menawarkan diri menjadi responden untuk kajian ini juga dilihat sebagai sikap yang proaktif dalam dunia ilmu dan bersikap suka membantu memudahkan kerja orang lain. Justeru, antara penutup yang menarik untuk kajian ini adalah, individu yang mampu menjadi imam terutamanya yang bukan dari kalangan para imam yang dilantik, mereka mempunyai syakhsiyah kepribadian yang boleh menjadi contoh dalam segenap aspek.

Rujukan

- Abd Rahman, J., Farhana, I. & Munirah, A. (2010) Kesilapan penggunaan kata ganti nama dan kata kerja dalam pembinaan ayat bahasa Arab <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/47509/> [Research Reports] (Unpublished)
- Alias, B. (1999) *Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan dan Sains sosial*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibnu al Mulqin (1406h) Terjemahan Abdullah ibn Sa'af al Laihani. Kitab al manhaj al qawim sharh al muqaddimah al hadramiyah- fasl sunan al i'tidal. Al maktabah al shamilah al hadithah.
- Ibnu Hajar al Haitami, A. (2000) Al minhaj al qawim. Dar al kutub al ilmiyyah.
- Kamalia, K. (2019) Pronomina (Isim Dhamir (Atau Kata Ganti Dalam Bahasa Arab (Tinjauan Gender). *Jurnal Pengkajian Dakwah dan Manajemen*, 7(2), 62-79
- Khadher, A., Mustaffa, A. & Mohd Farhan, M. A. (2018) Salah Faham terhadap Isu Bacaan Qunut: Analisis dari Perspektif Muhaddithindan Ijtihad Fuqaha'. *Albashirah*, 8(2), 41-69. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/ALBASIRAH/article/view/15568/9344>
- MuftiWP. (2019). Irsyad Al-Hadith Siri Ke-416: Lafaz Doa Kedua Ibumbapa <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-al-hadith/3683-irsyad-al-hadith-siri-ke-416-lafaz-doa-kedua-ibubapa>
- MuftiWP. (2021). AL-KAFI #1791: Perbezaan Bacaan Doa Qunut Imam Dalam Solat <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4759-al-kafi-1791-perbezaan-bacaan-doa-qunut-imam-dalam-solat>
- Muhammad, N. (2021). Panduan Bacaan Doa Qunut Subuh Dan Maksud Ejaan Rumi. <https://akuislam.com/blog/ibadah/doa-qunut/>
- Nasimah, A, Lubna, A. R., Norfazila, A. H. & Murni, S. M. (2017) Ketidaksepadanan Terjemahan Kata Ganti Nama Diri Dalam Surah al-Syu'araa. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan (PASAK2017) 26-27 April 2017, KUIS.
- Usop, M. P. & Seman, M. (2010). *Bahasa Arab untuk Ibadah*. Kuala Lumpur: Attin Press Sdn Bhd.
- Wahab, S.A. (2010). *Analisis Kesilapan Sintaksis dan Morfologi Dalam Khutbah Jumaat*. Disertasi Sarjana. Universiti Malaya.
- Zulfiah, S. (2018). Fungsi dan Kedudukan kata Ganti (Dhamir) dalam Ilmu Sharf. NUKHBATUL 'ULUM : *Jurnal Bidang Kajian Islam*, 4 (1): 61-69 <https://journal.stiba.ac.id>.